

D.R. 29/2010

**RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN HARGA DAN
ANTIPENCATUTAN 2010**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pelantikan Pengawal Harga, Timbalan Pengawal Harga, Penolong Pengawal Harga, dsb.

BAHAGIAN II

PENENTUAN HARGA DAN CAJ

4. Kuasa Pengawal untuk menentukan harga barangan
5. Kuasa Pengawal untuk menentukan caj bagi perkhidmatan
6. Kuasa Pengawal untuk menentukan harga atau caj mengikut kawasan
7. Kuasa Pengawal untuk menentukan amaun deposit
8. Harga yang ditentukan termasuk cukai
9. Penjual hendaklah mempamerkan senarai harga
10. Perintah penandaan harga

BAHAGIAN III

KESALAHAN

11. Kesalahan untuk menjual barangan harga terkawal, menyediakan perkhidmatan caj terkawal, dsb., selain mengikut harga atau caj yang ditentukan
12. Kesalahan membeli barangan harga terkawal atau memperoleh perkhidmatan caj terkawal, dsb., selain mengikut harga atau caj yang ditentukan
13. Syarat-syarat yang menyalahi undang-undang

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN IV

ANTIPENCATUTAN

Fasal

14. Kesalahan mencatut
15. Mekanisma menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah
16. Tawaran menjual
17. Tawaran membekal

BAHAGIAN V

PENALTI

18. Penalti

BAHAGIAN VI

PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

Bab 1

Penyiasatan dan aduan

19. Penyiasatan oleh Penolong Pengawal
20. Aduan kepada Penolong Pengawal

Bab 2

Kuasa mengumpul maklumat

21. Kuasa Penolong Pengawal untuk menghendaki pemberian maklumat
22. Penolong Pengawal boleh memegang simpan dokumen
23. Akses kepada rekod
24. Kerahsiaan
25. Komunikasi terlindung
26. Memberi maklumat, keterangan atau dokumen yang palsu atau mengelirukan
27. Pemusnahan, penyembunyian, pencacatan dan pengubahan rekod

Bab 3

Kuasa-kuasa penggeledahan dan penyitaan

Fasal

28. Akses kepada tempat atau premis
29. Kuasa untuk memasuki premis dengan waran geledah
30. Kuasa memasuki dan menggeledah dan menyita tanpa waran
31. Akses kepada maklumat berekod, data berkomputer, dsb.
32. Pemberian maklumat
33. Waran boleh diterima walaupun cacat
34. Senarai benda yang disita
35. Pelucuthakan barangan
36. Pelepasan benda yang disita
37. Penyitaan barangan mudah musnah
38. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan balik
39. Halangan
40. Kuasa penyiasatan oleh pegawai polis

BAHAGIAN VII

MAJLIS PENASIHAT HARGA

41. Majlis Penasihat Harga
42. Keanggotaan Majlis
43. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
44. Pengosongan jawatan
45. Pembatalan pelantikan
46. Peletakan jawatan
47. Mengisi kekosongan
48. Setiausaha kepada Majlis dan pegawai lain
49. Elaun
50. Mesyuarat
51. Majlis boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat
52. Kesahan perbuatan dan prosiding
53. Peraturan-peraturan yang berhubungan dengan Majlis

BAHAGIAN VIII

AM

Fasal

54. Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan
55. Ganjaran bagi maklumat
56. Pemulaan pendakwaan
57. Penalti am
58. Pengkompaunan kesalahan
59. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
60. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan
61. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
62. Perlindungan pegawai dan orang lain
63. Kecualian dan peralihan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengawal harga barangan dan caj bagi perkhidmatan dan melarang pencatutan dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta ini” termasuklah mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

“barangan” ertinya tiap-tiap jenis harta, sama ada ketara atau tidak ketara, sama ada harta alih atau tak alih, tetapi tidak termasuk wang dan hak dalam tindakan;

“barangan harga terkawal” ertinya barangan yang dikenakan dengannya harga maksimum atau minimum atau tetap ditentukan di bawah seksyen 4;

“caj” ertinya apa-apa jumlah wang atau apa-apa bentuk balasan yang diberikan sebagai pertukaran bagi apa-apa perkhidmatan;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“elektronik” ertinya teknologi yang menggunakan elektrik, optik, magnetik, elektromagnetik, biometrik, fotonik atau teknologi lain yang seumpamanya;

“harga” ertinya apa-apa jumlah wang atau apa-apa bentuk balasan yang diberikan sebagai pertukaran bagi apa-apa barangan;

“jualan” termasuklah sesuatu jualan barangan oleh seorang ejen bagi pihak prinsipalnya atau oleh seorang pekhidmat bagi pihak majikannya, sesuatu jualan barangan dengan komisen atau konsainan bagi jualan dan sesuatu perjanjian untuk menjual dan sesuatu tawaran untuk menjual;

“membekalkan” dengan apa-apa cara, termasuklah melalui transaksi elektronik —

- (a) berhubungan dengan barangan, ertinya pembekalan, termasuk pembekalan semula, secara penjualan, pertukaran, pajakan, sewaan atau sewa beli barangan itu; dan
- (b) berhubungan dengan perkhidmatan, ertinya pengadaan secara penjualan, pemberian atau pembekalan perkhidmatan itu;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna;

“pegawai yang diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa di bawah subseksyen 3(6);

“Pengawal” ertinya Pengawal Harga yang dilantik di bawah seksyen 3;

“Penolong Pengawal” ertinya Penolong Pengawal Harga yang dilantik di bawah seksyen 3;

“perkhidmatan” ertinya apa-apa yang dilakukan atau akan dilakukan termasuk pemberian, penyerahhakan atau penyerahan apa-apa hak atau penyediaan apa-apa kemudahan atau kebaikan, tetapi tidaklah termasuk pembekalan barangan atau wang;

“perkhidmatan caj terkawal” ertinya perkhidmatan yang dikenakan dengannya caj maksimum atau minimum atau tetap ditentukan di bawah seksyen 5;

“premis” ertinya apa-apa tempat, yang tidak bergerak atau sebaliknya, yang ditubuhkan atau didirikan oleh mana-mana orang, sama ada tempat itu dengan atau tanpa kepungan, dan termasuklah kenderaan, pesawat udara, kapal laut dan apa-apa vesel lain;

“Timbalan Pengawal” ertinya Timbalan Pengawal Harga yang dilantik di bawah seksyen 3.

Pelantikan Pengawal Harga, Timbalan Pengawal Harga, Penolong Pengawal Harga, dsb.

3. (1) Menteri boleh melantik, daripada kalangan pegawai awam, seorang Pengawal Harga, apa-apa bilangan Timbalan Pengawal Harga dan apa-apa bilangan Penolong Pengawal Harga dan pegawai lain sebagaimana yang perlu bagi maksud Akta ini.

(2) Pengawal Harga hendaklah, tertakluk kepada arahan dan kawalan am Menteri, melaksanakan kewajipan yang dikenakan dan menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini.

(3) Timbalan Pengawal Harga, Penolong Pengawal Harga dan pegawai lain yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah berada di bawah arahan dan kawalan Pengawal Harga.

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 4, 5, 6 dan 7, Timbalan Pengawal Harga boleh melaksanakan segala kewajipan yang dikenakan ke atas dan menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Pengawal Harga di bawah Akta ini.

(5) Pengawal Harga dan Timbalan Pengawal Harga boleh melaksanakan segala kewajipan yang dikenakan ke atas dan menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Penolong Pengawal Harga di bawah Akta ini.

(6) Menteri boleh memberi kuasa mana-mana pegawai awam untuk menjalankan semua atau mana-mana kuasa di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(7) Semua pegawai yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam dalam pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

BAHAGIAN II

PENENTUAN HARGA DAN CAJ

Kuasa Pengawal untuk menentukan harga barangan

4. Pengawal boleh, dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menentukan harga maksimum, minimum atau tetap bagi pembuatan, pengeluaran, pemborongan atau peruncitan—

- (a) apa-apa barangan;
- (b) apa-apa kelas atau kelas-kelas tertentu barangan; dan
- (c) apa-apa unit atau kuantiti apa-apa barangan,

yang boleh termasuk caj bagi apa-apa perkhidmatan yang berhubungan dengan pembekalan, penghantaran, pembaikan, penyenggaraan, pembungkusan, pembawaan atau penyimpanan barangan itu.

Kuasa Pengawal untuk menentukan caj bagi perkhidmatan

5. Pengawal boleh, dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menentukan caj maksimum, minimum atau tetap bagi—

- (a) apa-apa perkhidmatan;
- (b) apa-apa kelas atau kelas-kelas tertentu perkhidmatan; dan
- (c) apa-apa unit atau kuantiti apa-apa perkhidmatan.

Kuasa Pengawal untuk menentukan harga atau caj mengikut kawasan

6. Pengawal, dalam menentukan harga barangan atau caj bagi perkhidmatan di bawah seksyen 4 atau 5, boleh menentukan harga atau caj yang berlainan bagi kawasan yang berlainan berkenaan dengan barangan atau perkhidmatan yang sama atau serupa.

Kuasa Pengawal untuk menentukan amaun deposit

7. Pengawal boleh menentukan amaun deposit yang mana-mana orang, yang menjual apa-apa barangan harga terkawal tertakluk kepada syarat bahawa bekas barangan itu hendaklah dikembalikan, boleh menghendaki berkenaan dengan bekas itu, dan boleh menentukan amaun yang orang itu hendaklah, apabila bekas itu dikembalikan, membayar balik kepada orang yang mengembalikan bekas itu dan syarat-syarat yang tertakluk kepadanya bayaran balik itu kena dibayar.

Harga yang ditentukan termasuk cukai

8. Jika harga bagi apa-apa barangan atau caj bagi apa-apa perkhidmatan ditentukan di bawah Bahagian ini, harga atau perkhidmatan itu hendaklah termasuk semua cukai, duti dan apa-apa caj kerajaan yang lain.

Penjual hendaklah mempamerkan senarai harga

9. (1) Mana-mana orang yang menawarkan untuk menjual apa-apa barangan harga terkawal atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa perkhidmatan caj terkawal hendaklah mempamerkan senarai harga bagi barangan harga terkawal atau caj bagi perkhidmatan caj terkawal dalam kedudukan yang mudah dilihat yang senang dibaca oleh mana-mana orang yang bercadang untuk membeli barangan atau perkhidmatan itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika tidak praktik untuk mempamerkan senarai harga atau caj sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1), senarai harga atau caj itu hendaklah dipamerkan mengikut cara yang ditentukan oleh Pengawal.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

Perintah penandaan harga

10. (1) Jika ternyata pada Menteri adalah perlu atau suai manfaat bahawa apa-apa barangan atau perkhidmatan yang akan dibekalkan patut ditandakan dengan atau disertai dengan apa-apa maklumat berkenaan dengan harga barangan atau caj bagi perkhidmatan itu, Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengenakan kehendak supaya barangan atau perkhidmatan itu ditandakan dengan atau disertai dengan apa-apa maklumat dan kehendak itu boleh meliputi bentuk dan cara bagaimana maklumat itu hendaklah diberikan.

(2) Menteri boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit bagi pelanggaran atau ketidakpatuhan peruntukan perintah itu.

BAHAGIAN III

KESALAHAN

Kesalahan untuk menjual barangan harga terkawal, menyediakan perkhidmatan caj terkawal, dsb., selain mengikut harga atau caj yang ditentukan

11. Mana-mana orang yang menjual atau menawarkan untuk menjual apa-apa barangan harga terkawal atau menyediakan atau menawarkan untuk menyediakan apa-apa perkhidmatan caj terkawal atau yang mengutip deposit selain mengikut harga atau caj yang ditentukan oleh Pengawal di bawah seksyen 4, 5 atau 7 melakukan suatu kesalahan.

Kesalahan membeli barangan harga terkawal atau memperoleh perkhidmatan caj terkawal, dsb., selain mengikut harga atau caj yang ditentukan

12. (1) Mana-mana orang yang membeli atau menawarkan untuk membeli apa-apa barangan harga terkawal atau memperoleh atau menawarkan untuk memperoleh apa-apa perkhidmatan caj terkawal selain mengikut harga atau caj yang ditentukan oleh Pengawal di bawah seksyen 4, 5 atau 7 melakukan suatu kesalahan.

(2) Dalam mana-mana prosiding bagi kesalahan di bawah subseksyen (1), menjadi pembelaan bagi orang yang dipertuduh untuk membuktikan bahawa dia tidak mempunyai pengetahuan dan bertindak dengan suci hati dalam membeli atau menawarkan untuk membeli apa-apa barangan harga terkawal atau memperoleh atau menawarkan untuk memperoleh apa-apa perkhidmatan caj terkawal pada harga atau caj selain mengikut harga atau caj yang ditentukan oleh Pengawal.

Syarat-syarat yang menyalahi undang-undang

13. Mana-mana orang yang, dalam menjual apa-apa barangan harga terkawal atau dalam menyediakan apa-apa perkhidmatan harga terkawal, mengenakan apa-apa syarat jualan yang berhubungan dengan harga barangan atau caj bagi perkhidmatan itu selain syarat—

- (i) yang menghendaki bayaran serta-merta baginya;
- (ii) yang menetapkan tempoh yang dalamnya bayaran hendaklah dibuat atau penghantaran hendaklah diambil atau perkhidmatan hendaklah disediakan; atau
- (iii) yang menghendaki suatu deposit berkenaan dengan apa-apa bekas bagi barangan itu,

melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN IV

ANTIPENCATUTAN

Kesalahan mencatut

14. (1) Mana-mana orang yang, dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan, mencatut dalam menjual atau menawarkan untuk menjual atau membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa barangan atau perkhidmatan melakukan suatu kesalahan.

(2) Bagi maksud Akta ini, “mencatut” ertinya membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah.

Mekanisma menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah

15. (1) Menteri hendaklah menetapkan mekanisma untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah dan jenis mekanisma yang berlainan boleh ditetapkan untuk memenuhi keadaan dan hal keadaan yang berlainan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

(2) Dalam merumuskan mekanisma di bawah subseksyen (1), Menteri boleh mempertimbangkan perkara yang berikut:

- (a) apa-apa pengenaan cukai;
- (b) kos pembekal;
- (c) keadaan penawaran dan permintaan;
- (d) keadaan dan hal keadaan geografi atau pasaran produk; atau
- (e) apa-apa perkara berkaitan yang lain berhubungan dengan harga barangan atau caj bagi perkhidmatan.

Tawaran menjual

16. Bagi maksud Akta ini, tawaran untuk menjual hendaklah disifatkan termasuk mendedahkan barangan untuk dijual, penyiaran senarai harga, pengumuman sebut harga bagi apa-apa barangan atau perkhidmatan atau apa-apa perbuatan atau pemberitahuan lain yang dengannya kemahuan untuk membuat apa-apa transaksi jualan dinyatakan.

Tawaran membekal

17. Bagi maksud Akta ini—

- (a) berhubungan dengan barangan, seseorang yang mendedahkan barangan untuk bekalan atau mempunyai barangan dalam milikannya untuk bekalan; atau
- (b) berhubungan dengan perkhidmatan, seseorang yang mengiklankan perkhidmatan,

hendaklah disifatkan sebagai menawarkan atau membekalkannya.

BAHAGIAN V

PENALTI

Penalti

18. Mana-mana orang yang melakukan mana-mana kesalahan di bawah Bahagian III atau Bahagian IV boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi satu juta ringgit; atau
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

Bab I

Penyiasatan dan aduan

Penyiasatan oleh Penolong Pengawal

19. Jika Penolong Pengawal mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa apa-apa kesalahan sedang atau akan dilakukan di bawah Akta ini, maka Penolong Pengawal boleh menjalankan apa-apa penyiasatan yang difikirkannya suai manfaat bagi pentadbiran wajar Akta ini.

Aduan kepada Penolong Pengawal

20. (1) Penolong Pengawal boleh, apabila mendapat aduan daripada seseorang, menjalankan suatu penyiasatan ke atas mana-mana orang yang telah atau sedang melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Aduan itu hendaklah menyatakan orang yang terhadapnya aduan itu dibuat dan butiran kesalahan yang dikatakan di bawah Akta ini.

Bab 2

Kuasa Mengumpul Maklumat

Kuasa Penolong Pengawal untuk menghendaki pemberian maklumat

21. (1) Seksyen ini terpakai bagi seseorang jika Penolong Pengawal, dalam menjalankan penyiasatan di bawah Bahagian ini mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang itu—

- (a) mempunyai apa-apa maklumat (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, rekod, akaun dan data berkomputer) atau apa-apa dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan kuasa dan fungsi Penolong Pengawal di bawah Akta ini; atau
- (b) berupaya memberikan apa-apa keterangan yang Penolong Pengawal mempunyai sebab untuk mempercayai adalah berkaitan dengan pelaksanaan kuasa dan fungsi Penolong Pengawal di bawah Akta ini.

(2) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Penolong Pengawal, dengan notis bertulis, boleh mengarahkan mana-mana orang—

- (a) untuk memberi Penolong Pengawal, dalam tempoh masa dan mengikut cara dan bentuk yang dinyatakan dalam notis itu, apa-apa maklumat atau dokumen yang disebut dalam subseksyen (1);
- (b) untuk mengemukakan kepada Penolong Pengawal, dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu, apa-apa maklumat atau dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada dalam bentuk fizikal atau media elektronik;
- (c) untuk membuat salinan, atau cabutan daripada, apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) dan untuk mengemukakan salinan atau cabutan dokumen itu, mengikut

mana-mana yang berkenaan, kepada Penolong Pengawal dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu;

- (d) jika orang itu seorang individu, untuk hadir di hadapan Penolong Pengawal pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, dan untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada dalam bentuk fizikal atau media elektronik;
- (e) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, untuk menyebabkan pegawai yang berkaitan dan berkecualan bagi pertubuhan itu untuk hadir di hadapan Penolong Pengawal pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, dan untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada dalam bentuk fizikal atau media elektronik;
- (f) jika orang itu suatu perkongsian, untuk menyebabkan individu yang merupakan seorang pekongsi dalam perkongsian itu atau pekerja perkongsian itu untuk hadir di hadapan Penolong Pengawal pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, dan untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), sama ada dalam bentuk fizikal atau media elektronik; atau
- (g) untuk membuat suatu pernyataan kepada Penolong Pengawal dengan memberikan suatu penjelasan mengenai apa-apa maklumat atau dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) dalam tempoh dan mengikut cara dan bentuk yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Jika Penolong Pengawal mengarahkan mana-mana orang supaya mengemukakan apa-apa dokumen di bawah subseksyen (2) dan orang itu tidak mempunyai jagaan ke atas dokumen itu, orang itu hendaklah—

- (a) menyatakan, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, di mana dokumen itu boleh dijumpai; dan

(b) mengenal pasti, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, orang yang terakhir mempunyai jagaan ke atas dokumen itu dan di mana orang terakhir yang disebut itu boleh dijumpai.

(4) Mana-mana orang yang diarahkan supaya memberikan maklumat di bawah subseksyen (2) atau (3) hendaklah memastikan bahawa maklumat yang diberikan itu adalah benar, tepat dan lengkap dan orang itu hendaklah memberikan representasi yang nyata bermaksud sedemikian, termasuk suatu perisytiharan bahawa yang dia tidak menyedari mengenai apa-apa maklumat lain yang boleh menjadikan maklumat yang diberikan itu tidak benar atau mengelirukan.

(5) Mana-mana orang yang enggan atau tidak mematuhi arahan yang dibuat oleh Penolong Pengawal di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Penolong Pengawal boleh memegang simpan dokumen

22. (1) Penolong Pengawal boleh mengambil dan memegang simpan selama tempoh yang perlu, milikan mana-mana dokumen yang diperolehi di bawah Bahagian ini.

(2) Orang yang memberikan dokumen itu berhak untuk dibekalkan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, suatu salinan yang diperakui sah oleh Penolong Pengawal sebagai suatu salinan benar dokumen itu.

(3) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, salinan yang diperakui sah bagi dokumen itu hendaklah diterima sebagai keterangan seolah-olah salinan itu ialah dokumen asal.

(4) Jika Penolong Pengawal berpuas hati bahawa dokumen itu tidak lagi perlu dipegang simpan, Penolong Pengawal boleh mengembalikan dokumen itu kepada orang yang memberikan dokumen itu, dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

Akses kepada rekod

23. (1) Mana-mana orang hendaklah, jika pada bila-bila masa diarahkan oleh Penolong Pengawal, membenarkan Penolong Pengawal akses kepada buku, rekod, akaun, dokumen, data

berkomputer, benda atau perkara bagi maksud menjalankan mana-mana fungsi atau kuasa Penolong Pengawal di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan yang dibuat oleh Penolong Pengawal di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kerahsiaan

24. (1) Mana-mana orang yang menzahirkan atau menggunakan apa-apa maklumat rahsia berkenaan dengan suatu perusahaan tertentu atau hal ehwal seseorang individu yang diperolehi menurut kuasa mana-mana peruntukan Akta ini melakukan suatu kesalahan.

(2) Tiada apa pun dalam subseksyen (1) boleh berkuat kuasa untuk menghalang penzahiran maklumat jika—

- (a) penzahiran itu dibuat dengan persetujuan orang yang daripadanya maklumat itu diperolehi;
- (b) penzahiran itu dibuat dalam hal keadaan yang maklumat yang diberikan itu dirangka dengan cara yang sebegitu rupa sehingga sumber maklumat itu tidak dapat dipastikan;
- (c) maklumat itu telah sedia ada dalam domain awam;
- (d) penzahiran itu dibuat bagi memudahkan pelaksanaan fungsi Pengawal, Timbalan Pengawal atau Penolong Pengawal;
- (e) penzahiran itu dibuat secara munasabah semasa apa-apa prosiding di bawah Akta ini dengan syarat bahawa penzahiran itu tidak dibuat berlawanan dengan apa-apa arahan Pengawal, Timbalan Pengawal atau Penolong Pengawal yang di hadapannya prosiding itu berjalan; atau
- (f) penzahiran itu dibuat berkaitan dengan penyiasatan terhadap suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “maklumat rahsia” ertinya maklumat perdagangan, perniagaan atau perindustrian yang dipunyai oleh mana-mana orang, yang mempunyai nilai ekonomi dan secara amnya tidak tersedia kepada atau diketahui oleh orang lain.

Komunikasi terlindung

25. (1) Tiada seorang pun boleh dikehendaki, di bawah mana-mana peruntukan Bahagian ini, supaya memberikan atau menzahirkan apa-apa komunikasi antara seorang penasihat undang-undang profesional dengan pelanggannya yang dilindungi daripada penzahiran mengikut seksyen 126 Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

(2) Jika—

- (a) Pengawal membuat suatu kehendak di bawah seksyen 21 terhadap seorang peguam bela dan peguam cara berkenaan dengan maklumat atau dokumen; dan
- (b) maklumat atau dokumen itu mengandungi komunikasi terlindung yang dibuat oleh atau bagi pihak atau kepada peguam bela dan peguam cara itu atas sifatnya sebagai seorang peguam bela dan peguam cara,

peguam bela dan peguam cara itu berhak untuk enggan mematuhi kehendak itu melainkan jika orang yang kepadanya atau olehnya atau bagi pihaknya komunikasi itu dibuat atau, jika orang itu ialah pertubuhan perbadanan yang di bawah penerimaan atau sedang digulung, penerima atau pelikuidasi, mengikut mana-mana yang berkenaan, bersetuju supaya peguam bela dan peguam cara itu mematuhi kehendak itu, tetapi jika peguam bela dan peguam cara itu enggan untuk mematuhi kehendak sedemikian, peguam bela dan peguam cara itu hendaklah dengan segera memberi Pengawal secara bertulis nama dan alamat orang yang kepadanya atau olehnya atau bagi pihaknya komunikasi itu dibuat.

Memberikan maklumat, keterangan atau dokumen yang palsu atau mengelirukan

26. Seseorang yang tidak menzahirkan atau meninggalkan untuk memberikan apa-apa maklumat, dokumen atau keterangan yang berkaitan, atau memberikan apa-apa maklumat, dokumen atau keterangan yang dia tahu atau ada sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan, dalam perjalanan penyiasatan oleh Penolong Pengawal, melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Pemusnahan, penyembunyian, pencacatan dan pengubahan rekod

27. Seseorang yang—

- (a) memusnahkan, menyembunyikan, mencacatkan atau mengubah; atau
- (b) menghantar atau cuba untuk menghantar atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk mengalihkan dari premisnya atau menghantar ke luar Malaysia,

apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, benda atau perkara yang disimpan atau disenggarakan dengan niat untuk memfraud Penolong Pengawal atau untuk menghalang, melengahkan atau menggagalkan perjalanan suatu penyiasatan atau perjalanan mana-mana kuasa Penolong Pengawal di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan.

Bab 3

Kuasa-kuasa Penggeledahan dan Penyitaan

Akses kepada tempat atau premis

28. (1) Penolong Pengawal pada bila-bila masa hendaklah mempunyai akses kepada mana-mana tempat atau premis di mana apa-apa perniagaan dijalankan bagi maksud mengumpul atau memantau harga barangan atau caj bagi perkhidmatan.

(2) Penolong Pegawai dalam memasuki tempat atau premis di bawah subseksyen (1) boleh membawa mana-mana pegawai yang diberikuasa sebagaimana yang difikirkan perlu bagi pentadbiran wajar Akta ini.

Kuasa untuk memasuki premis dengan waran geledah

29. (1) Jika ternyata pada seseorang Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa seseorang telah melakukan atau sedang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, agar apa-apa keterangan atau benda yang perlu dalam pelaksanaan suatu

penyiasatan bagi apa-apa kesalahan mungkin ditemui di dalam mana-mana premis, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa mana-mana Penolong Pengawal yang dinamakan dalamnya untuk memasuki premis itu pada bila-bila masa, dengan atau tanpa bantuan, dan jika perlu dengan menggunakan kekerasan untuk menggeledah dan menyita apa-apa keterangan atau benda.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), waran yang dikeluarkan oleh Majistret boleh memberi kuasa penggeledahan dan penyitaan apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data komputer, barangan atau benda yang mengandungi atau dengan munasabahnya dipercayai mengandungi maklumat tentang apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan atau selainnya perlu untuk melaksanakan suatu penyiasatan bagi apa-apa kesalahan.

(3) Penolong Pengawal yang menjalankan penggeledahan di bawah subseksyen (1) boleh, bagi maksud menyiasat kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam atau di premis itu.

(4) Penolong Pengawal yang membuat pemeriksaan ke atas seseorang di bawah subseksyen (3) boleh menyita, atau mengambil milikan dan menyimpan dalam jagaan selamat semua benda selain pakaian yang perlu yang dijumpai pada orang itu, dan apa-apa benda lain, yang mengeniannya terdapat sebab untuk dipercayai bahawa benda itu merupakan peralatan atau keterangan mengenai kesalahan itu, dan benda itu boleh ditahan sehingga mahkamah mengeluarkan perintah pelupusan terhadapnya.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak praktik untuk memindahkan apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barangan atau benda yang disita di bawah seksyen ini, Penolong Pengawal yang menyita itu hendaklah, dengan apa-apa cara mengelak premis atau bekas yang di dalamnya dijumpai buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barangan atau benda itu.

(6) Seseorang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (5) atau memindahkan apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barangan atau benda yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan.

Kuasa memasuki dan menggeledah dan menyita tanpa waran

30. Jika Penolong Pengawal berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam mendapatkan waran geledah di bawah seksyen 29 penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan pelanggaran atau kesalahan mungkin diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, Penolong Pengawal boleh memasuki premis dan menjalankan di dalam, pada dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 29 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Akses kepada maklumat berekod, data berkomputer, dsb.

31. (1) Mana-mana Penolong Pengawal yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 29 atau seksyen 30 hendaklah diberi akses kepada apa-apa maklumat berekod atau data berkomputer atau berdigital sama ada yang disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Dalam menjalankan kuasanya, Penolong Pengawal—

(a) boleh memeriksa dan meneliti pengendalian apa-apa komputer dan apa-apa radas atau bahan yang berkaitan yang dia ada sebab munasabah untuk mengesyaki sedang atau telah digunakan berkaitan dengan maklumat atau data itu; dan

(c) boleh menghendaki—

(i) orang yang, olehnya atau bagi pihaknya, pegawai itu ada sebab munasabah untuk mengesyaki, komputer itu sedang atau telah digunakan sedemikian; atau

(ii) orang yang bertanggungjawab, atau yang selainnya terlibat dengan, pengendalian komputer, radas atau bahan itu,

untuk memberinya apa-apa bantuan munasabah sebagaimana yang dikehendaki olehnya bagi maksud seksyen ini.

(3) Penolong Pengawal boleh membuat salinan atau mengambil cabutan maklumat berekod, data berkomputer atau berdigital itu jika difikirkannya perlu.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “akses” termasuk diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu atau apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan pemahaman maklumat berekod, data berkomputer atau berdigital.

Pemberian maklumat

32. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) mengetahui atau mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa seorang Penolong Pengawal sedang bertindak, atau bercadang untuk bertindak, berkaitan dengan suatu penyiasatan yang sedang, atau akan, dijalankan di bawah atau bagi maksud Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin akan menjejaskan penyiasatan itu atau penyiasatan yang dicadangkan itu; atau
- (b) mengetahui atau mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa suatu penzahiran telah dibuat kepada seorang Penolong Pengawal di bawah Akta ini dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin akan menjejaskan apa-apa penyiasatan yang mungkin dijalankan berikutan penzahiran itu,

melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) menjadikannya suatu kesalahan jika seseorang peguam bela dan peguam cara atau pekerjanya menzahirkan apa-apa maklumat atau perkara lain—

- (a) kepada pelanggannya atau wakil pelanggannya berkaitan dengan pemberian nasihat kepada pelanggan itu dalam perjalanan dan bagi maksud khidmat profesional peguam bela dan peguam cara itu; atau
- (b) kepada mana-mana orang pada menjangkakan, atau berkaitan dengan dan bagi maksud, apa-apa prosiding undang-undang.

(3) Subseksyen (2) tidaklah terpakai berhubungan dengan apa-apa maklumat atau perkara lain yang dizahirkan dengan tujuan untuk melaksanakan apa-apa maksud yang menyalahi undang-undang.

(4) Dalam prosiding terhadap seseorang bagi suatu kesalahan di bawah seksyen ini, menjadi pembelaan jika orang itu membuktikan bahawa—

- (a) dia tidak mengetahui atau mengesyaki bahawa penzahiran yang dibuat di bawah perenggan (1)(b) berkemungkinan menjejaskan penyiasatan itu; atau
- (b) dia mempunyai kuasa sah atau alasan munasabah untuk membuat penzahiran itu.

(5) Seorang Penolong Pengawal atau orang yang lain tidak melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini berkenaan dengan apa-apa perkara yang telah dibuat olehnya dalam perjalanan tindakan yang berkaitan dengan penguatkuasaan, atau penguatkuasaan yang dicadangkan, bagi Akta ini.

Waran boleh diterima walau pun cacat

33. Sesuatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalamnya atau dalam permohonan bagi waran itu dan mana-mana buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barangan atau benda yang disita di bawah waran itu boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.

Senarai benda yang disita

34. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barangan atau benda disita di bawah Bahagian ini, Penolong Pengawal yang melakukan penyitaan itu hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menyediakan senarai benda yang disita itu dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada penghuni premis yang digeledah itu, atau kepada ejen atau pekhidmatnya, di premis itu.

(2) Jika premis itu tidak berpenghuni, Penolong Pengawal yang melakukan penyitaan itu hendaklah bila mana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

Pelucuthakan barangan

35. (1) Semua barangan yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi melucuthakkan atau melepaskan apa-apa barangan yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan berkenaan dengannya telah dijalankan dan suatu perintah bagi melucuthakkan barangan itu hendaklah dibuat jika dibuktikan dengan memuaskannya mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa barangan itu ialah hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu, walau pun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan mana-mana barangan yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, barangan itu hendaklah dikira dan disifatkan telah dilucuthakkan apabila habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh ia disita melainkan jika suatu tuntutan mengenainya dibuat sebelum tarikh itu mengikut cara yang dinyatakan kemudian daripada ini.

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya barangan itu dan bahawa barangan itu tidak boleh dilucuthakkan boleh dengan sendirinya atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis memberikan notis bertulis kepada Penolong Pengawal bahawa dia menuntut barangan itu.

(5) Apabila diterima notis itu Penolong Pengawal hendaklah merujuk tuntutan itu kepada Pengawal yang boleh mengarahkan supaya barangan itu dilepaskan atau boleh mengarahkan Penolong Pengawal supaya merujuk perkara itu kepada suatu mahkamah untuk keputusan.

(6) Mahkamah yang kepadanya perkara itu dirujuk hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya barangan itu dan orang yang daripadanya barangan itu telah disita supaya hadir di hadapannya dan apabila dia hadir atau tidak hadir, selepas dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, mahkamah hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu dan apabila dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa barangan itu ialah hal perkara kesalahan itu atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu hendaklah memerintahkan supaya barangan itu dilucuthakkan atau boleh, jika tidak dibuktikan sedemikian, memerintahkan supaya barangan itu dilepaskan.

(7) Semua benda yang dilucuthakkan atau disifatkan dilucuthakkan hendaklah diserahkan kepada Penolong Pengawal dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pengawal.

Pelepasan benda yang disita

36. (1) Jika apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barangan atau benda telah disita di bawah Akta ini, Penolong Pengawal yang melakukan penyitaan itu boleh melepaskan buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barangan atau benda itu kepada orang yang ditentukan olehnya sebagai berhak secara sah kepadanya, jika buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barangan atau benda itu tidak dikehendaki selainnya bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta ini atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dan sekiranya sedemikian Penolong Pengawal yang melakukan penyitaan itu, Kerajaan Persekutuan, Pengawal atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Pengawal tidak boleh dikenakan apa-apa prosiding oleh mana-mana orang jika penyitaan dan pelepasan buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barangan atau benda itu telah dibuat dengan suci hati.

(2) Suatu rekod bertulis hendaklah dibuat oleh Penolong Pengawal yang melakukan penyitaan itu bagi apa-apa perkara di bawah subseksyen (1) dengan menyatakan secara terperinci hal keadaan dan sebab bagi pelepasan itu.

Penyitaan barangan mudah musnah

37. Jika apa-apa barangan yang disita pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Akta ini merupakan barangan yang mudah musnah sifatnya atau jika penjagaan barangan tersebut melibatkan perbelanjaan yang tidak munasabah dan kesulitan, barangan itu boleh dijual oleh Penolong Pengawal pada bila-bila masa dan hasil jualan itu boleh dipegang untuk mematuhi keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan di bawah seksyen ini.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapati balik

38. Tiada seorang pun, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan mana-mana buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barangan atau benda yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Halangan

39. Mana-mana orang yang—

- (a) enggan untuk memberi mana-mana Penolong Pengawal akses kepada mana-mana premis yang Penolong Pengawal itu berhak kepadanya di bawah Akta ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini;
- (b) mengamang, menggalang, menghalang atau melengahkan mana-mana Penolong Pengawal dalam membuat apa-apa kemasukan yang Penolong Pengawal itu berhak membuatnya di bawah Akta ini, atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini; atau
- (c) enggan untuk memberi mana-mana Penolong Pengawal apa-apa maklumat yang berhubungan dengan suatu kesalahan atau suatu kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini atau apa-apa maklumat lain yang secara munasabah dikehendaki supaya diberikan olehnya dan yang ada dalam pengetahuan atau kuasanya,

melakukan suatu kesalahan.

Kuasa penyiasatan oleh pegawai polis

40. Mana-mana Penolong Pengawal yang menyiasat apa-apa pelanggaran kesalahan di bawah Akta ini, boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa yang berhubungan dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap yang diperuntukkan oleh Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

BAHAGIAN VII

MAJLIS PENASIHAT HARGA

Majlis Penasihat Harga

41. Menteri boleh menubuhkan suatu Majlis Penasihat Harga untuk menasihatinya tentang perkara-perkara yang berikut:

- (a) isu-isu yang berhubungan dengan pencatutan; dan
- (b) apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan harga barangan dan caj bagi perkhidmatan.

Keanggotaan Majlis

42. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Pengerusi yang hendaklah merupakan Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna atau wakilnya;
- (b) empat anggota yang mewakili Kerajaan yang akan dilantik oleh Menteri;
- (c) tidak lebih daripada enam orang anggota lain, yang akan dilantik oleh Menteri, yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perniagaan, perindustrian, perdagangan, undang-undang, ekonomi, pentadbiran awam, perdagangan adil, persaingan, perlindungan pengguna atau apa-apa kelayakan yang sesuai yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Anggota yang disebut dalam perenggan (1)(b) dan (c)—

(a) hendaklah dilantik bagi tempoh tidak melebihi dua tahun; dan

(b) adalah layak untuk dilantik semula apabila habis tempoh jawatannya.

(3) Menteri hendaklah melantik daripada kalangan anggota Majlis seorang Timbalan Pengerusi.

Penjalanan sementara fungsi Pengerusi

43. (1) Jika kerana apa-apa sebab Pengerusi tidak dapat melaksanakan fungsinya atau semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi hendaklah melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi.

(2) Jika kerana apa-apa sebab Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak dapat melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi atau semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, Menteri boleh melantik mana-mana anggota Majlis untuk melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi.

(3) Timbalan Pengerusi atau anggota yang dilantik di bawah subseksyen (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, semasa tempoh dia melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

Pengosongan jawatan

44. Jawatan seorang anggota Majlis hendaklah menjadi kosong—

(a) apabila anggota itu mati;

(b) apabila anggota itu meletakkan jawatan dengan surat yang dialamatkan kepada Menteri; atau

(c) apabila habis tempoh jawatannya.

Pembatalan pelantikan

45. Menteri boleh membatalkan pelantikan seorang anggota Majlis yang disebut dalam perenggan 42(1)(b) dan (c)—

- (a) jika kelakuannya, sama ada berkaitan dengan kewajipannya sebagai seorang anggota Majlis atau selainnya, adalah sedemikian rupa sehingga memburukkan nama Majlis;
- (b) jika dia menjadi tidak berupaya untuk menjalankan kewajipannya sebagai anggota Majlis dengan sepatutnya;
- (c) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;
 - (iii) suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
 - (iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan lebih daripada dua tahun;
- (d) jika dia dihukum bankrap;
- (e) jika dia didapati atau diisytiharkan tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menguruskan hal ehwalnya; atau
- (f) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pengerusi.

Peletakan jawatan

46. Seorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 42(1)(b) dan (c) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan surat yang dialamatkan kepada Menteri.

Mengisi kekosongan

47. Jika anggota yang dilantik di bawah perenggan 42(1)(b) dan (c) terhenti menjadi anggota Majlis, Menteri bolehlah melantik

seorang lain untuk mengisi kekosongan itu untuk baki tempoh yang baginya anggota yang mengosongkan jawatan itu telah dilantik.

Setiausaha kepada Majlis dan pegawai lain

48. Maka hendaklah dilantik seorang Setiausaha kepada Majlis dan pegawai-pegawai lain yang perlu untuk membantu Majlis.

Elaun

49. Anggota-anggota Majlis hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Mesyuarat

50. Majlis hendaklah bermesyuarat apabila dan bila perlu sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Majlis boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

51. (1) Majlis boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat atau pertimbangtelitian Majlis bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Kesahan perbuatan dan prosiding

52. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan—

- (a) terdapat kekosongan dalam keanggotaan, atau terdapat kecacatan dalam penubuhan, Majlis; atau
- (b) terdapat peninggalan, kecacatan atau luar aturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

Peraturan-peraturan yang berhubungan dengan Majlis

53. Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang difikirkannya perlu atau suai manfaat berkenaan dengan Bahagian ini.

BAHAGIAN VIII

AM

Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan

54. Walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis, Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan mengenakan hukuman penuh bagi apa-apa kesalahan sedemikian.

Ganjaran bagi maklumat

55. Dalam hal sabitan yang melibatkan denda, mahkamah yang mengenakan denda itu boleh, atas permohonan pegawai pendakwa, mengarahkan pembayaran mana-mana bahagian denda itu, mengikut perkadaran yang difikirkan patut oleh mahkamah tetapi dalam apa-apa hal tidak melebihi setengah daripada denda itu, kepada orang yang memberikan maklumat yang membawa kepada sabitan itu.

Pemulaan pendakwaan

56. Tiada pendakwaan bagi atau berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan tanpa keizinan Pendakawa Raya.

Penalti am

57. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit, dan bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit;

- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Pengkompanaan kesalahan

58. (1) Pengawal boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Pengawal suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulis itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Pengawal, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompau di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat, dan mana-mana buku, rekod, akaun, dokumen, data komputer, barangan dan benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Pegawal, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut dikenakan mengikut syarat kompaun itu.

(4) Semua wang yang diterima oleh Pengawal di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

59. (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau bersejajarnya dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati bersalah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika, setelah mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuannya, persetujuannya atau pembiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang di bawah Akta ini boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, maka dia juga boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan—

- (a) oleh pekerja orang itu dalam masa pengajian pekerja itu;
- (b) oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak orang itu; atau
- (c) oleh pekerja ejen itu dalam masa pengajian pekerja itu dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen yang bertindak bagi pihak orang itu.

Kuasa Menteri untuk membuat peraturan

60. (1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan dengan lebih baik peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) menetapkan apa-apa perkara yang dikehendaki di bawah Akta ini supaya ditetapkan; dan
- (b) menetapkan suatu penalti atau suatu denda yang tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit bagi pelanggaran atau ketidakpatuhan mana-mana peruntukan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

61. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Pengawal, Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal atau terhadap Pengerusi, mana-mana anggota Majlis dan pekerja atau ejen Pengerusi atau Majlis berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati, atas sifat yang sedemikian.

Perlindungan pegawai dan orang lain

62. Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Pengawal, Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal atau mana-mana orang lain berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang diperintahkan atau yang dilakukan bagi maksud melaksanakan Akta ini; dan
- (b) mana-mana orang lain berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau berupa sebagai dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Pengawal atau pegawai yang diberi kuasa jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan kepercayaan munasabah bahawa ia perlu bagi maksud yang dihasratkan untuk dicapai dengannya.

Kecualian dan peralihan

63. (1) Akta Kawalan Harga 1946 [*Akta 121*] (“Akta yang dimansuhkan”) dimansuhkan.

(2) Orang yang telah dilantik di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah terus menjadi pegawai di bawah Akta ini seolah-olah orang itu telah dilantik di bawah seksyen 3 Akta ini.

(3) Semua peraturan, kaedah dan perintah yang dibuat di bawah Akta yang dimansuhkan, hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan seolah-olah ia telah dibuat di bawah Akta ini sehingga digantikan atau dibatalkan oleh apa-apa peraturan, kaedah dan perintah yang dibuat di bawah Akta ini.

(4) Apa-apa siasatan, perbicaraan dan prosiding yang telah dilakukan, diambil atau dimulakan di bawah Akta yang dimansuhkan sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah diteruskan atau diselesaikan di bawah dan dengan mengikut peruntukan Akta yang dimansuhkan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010 (“Rang Undang-Undang”) digubal untuk pembaharuan undang-undang mengenai kawalan harga dan memperbuat peruntukan berhubung dengan larangan pencatutan. Maksud Rang Undang-Undang ini adalah untuk membolehkan Kerajaan menentukan harga barangan atau caj bagi perkhidmatan dan pada masa yang sama untuk mencegah aktiviti pencatutan, dengan demikian itu melindungi kepentingan pengguna.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I memperkatakan perkara permulaan.

3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa bagi Akta yang dicadangkan, dan Menteri boleh menjadikan Akta ini berkuat kuasa secara berperingkat.

4. *Fasal 2* mengandungi takrif bagi perkataan-perkataan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

5. *Fasal 3* mengadakan peruntukan bagi pelantikan Pengawal Harga, apa-apa bilangan Timbalaan Pengawal Harga dan Penolong Pengawal Harga oleh Menteri untuk melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan di bawah Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

6. Bahagian II mengandungi peruntukan tentang penentuan harga barangan dan caj bagi perkhidmatan.

7. *Fasal 4* bertujuan untuk memberi Pengawal kuasa untuk menentukan harga jualan maksimum, minimum atau tetap bagi barangan dengan kelulusan Menteri. Pengawal boleh menentukan harga bagi barangan, apa-apa kelas barangan atau apa-apa unit atau kuantiti barangan itu. Penentuan harga hendaklah dibuat melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

8. *Fasal 5* bertujuan untuk memberi Pengawal kuasa untuk menentukan caj maksimum, minimum atau tetap bagi perkhidmatan dengan kelulusan Menteri. Pengawal boleh menentukan caj bagi perkhidmatan, apa-apa kelas perkhidmatan atau apa-apa unit atau kuantiti perkhidmatan itu. Penentuan caj hendaklah dibuat melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

9. *Fasal 6* bertujuan untuk memberi Pengawal kuasa untuk menentukan harga atau caj mengikut kawasan. Harga atau caj yang ditentukan bagi suatu kawasan boleh berlainan daripada harga atau caj bagi kawasan yang lain berkenaan dengan barangan atau perkhidmatan yang sama atau serupa.

10. *Fasal 7* bertujuan untuk memberi Pengawal kuasa untuk menentukan amaun deposit bagi penjualan barangan harga terkawal dengan bekas.

11. *Fasal 8* memperuntukkan bahawa harga dan caj yang ditentukan oleh Pengawal termasuklah semua cukai, duti dan apa-apa caj lain kerajaan.

12. *Fasal 9* menghendaki pempameran senarai harga bagi barangan dan caj bagi perkhidmatan di tempat yang mudah dilihat.

13. *Fasal 10* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa Menteri untuk membuat perintah penandaan harga berhubungan dengan maklumat mengenai barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan.

BAHAGIAN III

14. Bahagian III mengadakan peruntukan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

15. *Fasal 11* mengadakan peruntukan bagi kesalahan menjual atau menawarkan untuk menjual barangan harga terkawal, menyediakan atau menawarkan untuk menyediakan perkhidmatan caj terkawal atau mengutip deposit selain pada harga atau caj yang ditentukan oleh Pengawal.

16. *Fasal 12* mengadakan peruntukan bagi kesalahan membeli atau menawarkan untuk membeli barangan harga terkawal atau memperoleh atau menawarkan untuk memperoleh perkhidmatan caj terkawal selain pada harga atau caj yang ditentukan oleh Pengawal.

17. *Fasal 13* mengadakan peruntukan bagi kesalahan mengenakan syarat-syarat yang menyalahi undang-undang dalam menjual atau menyediakan apa-apa barangan harga terkawal atau perkhidmatan caj terkawal.

BAHAGIAN IV

18. Bahagian IV memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan larangan ke atas aktiviti pencatutan.

19. *Fasal 14* mengadakan peruntukan bagi kesalahan pencatutan dan takrif mencatut.

20. *Fasal 15* mengadakan peruntukan bagi mekanisma dalam menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah.

21. *Fasal 16* mengadakan peruntukan menyifatkan tentang tawaran untuk menjual barangan.

22. *Fasal 17* mengadakan peruntukan menyifatkan tentang tawaran untuk membekalkan barangan atau perkhidmatan.

BAHAGIAN V

23. Bahagian V memperuntukkan penalti bagi kesalahan-kesalahan.

24. *Fasal 18* memperuntukkan penalti bagi kesalahan-kesalahan di bawah Bahagian III dan IV.

BAHAGIAN VI

25. Bahagian VI bertujuan untuk memperuntukkan kuasa Penolong Pengawal berkenaan dengan penyiasatan dan penguatkuasaan.

26. *Fasal 19* bertujuan untuk memberi Penolong Pengawal kuasa untuk menjalankan penyiasatan jika Penolong Pengawal mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa apa-apa kesalahan sedang atau akan dilakukan di bawah Akta ini.

27. *Fasal 20* bertujuan untuk memberi Penolong Pengawal kuasa untuk menjalankan penyiasatan apabila aduan dibuat oleh seseorang.

28. *Fasal 21* memperuntukkan kuasa-kuasa Penolong Pengawal untuk menghendaki pemberian maklumat oleh seseorang yang dipercayai dengan munasabah mempunyai maklumat itu dan berupaya untuk memberikan maklumat itu.

29. *Fasal 22* bertujuan untuk memperuntukkan kuasa Penolong Pengawal untuk memegang simpan dokumen selama apa-apa tempoh yang perlu bagi maksud pengumpulan maklumat.
30. *Fasal 23* bertujuan untuk memperuntukkan kuasa Penolong Pengawal untuk mengakses buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, benda atau perkara bagi maksud pengumpulan maklumat.
31. *Fasal 24* melarang penzahiran maklumat rahsia selain sebagaimana yang dibenarkan.
32. *Fasal 25* membenarkan seseorang untuk enggan mematuhi apa-apa kehendak bagi penzahiran apa-apa komunikasi antara seorang penasihat undang-undang profesional dengan pelanggannya.
33. *Fasal 26* mengadakan peruntukan kesalahan bagi memberikan maklumat, dokumen atau keterangan yang palsu atau mengelirukan dalam perjalanan penyiasatan oleh Penolong Pengawal.
34. *Fasal 27* bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan untuk memusnahkan, menyembunyikan, mencatitkan, mengubah, menghantar atau cuba untuk menghantar, berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk mengalihkan dari premisnya atau menghantar ke luar Malaysia apa-apa rekod, dsb., dengan niat untuk memfraud, menghalang, melengahkan atau menggagalkan apa-apa penyiasatan atau perjalanan mana-mana kuasa.
35. *Fasal 28* bertujuan untuk memperuntukkan kuasa Penolong Pengawal untuk mengakses mana-mana tempat atau premis pada bila-bila masa bagi maksud memantau harga barangan dan caj bagi perkhidmatan.
36. *Fasal 29* dan *30* masing-masing memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan kuasa pengeledahan dan penyitaan dengan waran dan pengeledahan dan penyitaan tanpa waran.
37. *Fasal 31* bertujuan untuk memberi Penolong Pengawal kuasa untuk mengakses maklumat berekod atau data berkomputer.
38. *Fasal 32* mengadakan peruntukan bagi kesalahan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat yang mungkin akan menjejaskan penyiasatan di bawah Akta yang dicadangkan.
39. *Fasal 33* memperuntukkan bahawa suatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta yang dicadangkan hendaklah sah dan boleh dikuatkuasakan walau pun terdapat apa-apa kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalamnya.
40. *Fasal 34* mengenakan kewajipan ke atas Penolong Pengawal untuk menyediakan suatu senarai buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, barangan atau benda yang disita di bawah Akta yang dicadangkan.
41. *Fasal 35* memperuntukkan berhubung tatacara dengan pelucuthakan barangan.

42. *Fasal 36* memperkatakan pelepasan benda yang disita di bawah Akta yang dicadangkan jika benda itu tidak dikehendaki bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta yang dicadangkan atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.
43. *Fasal 37* memperuntukkan tatacara berhubung dengan penyitaan barangan mudah musnah.
44. *Fasal 38* memperuntukkan bahawa tiada seorang pun berhak kepada kos atau ganti rugi dalam mana-mana prosiding di hadapan mahkamah yang berbangkit daripada apa-apa penyitaan melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.
45. *Fasal 39* bertujuan untuk menjadikan kesalahan untuk menghalang mana-mana Penolong Pengawal yang menjalankan pengeledahan dengan keengganan untuk memberikan akses kepada premis, mengamang, menggalang, menghalang atau melengahkan Penolong Pengawal itu dalam pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.
46. *Fasal 40* bertujuan untuk memperuntukkan Penolong Pengawal dengan semua kuasa penyiasatan dalam kes boleh tangkap yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah.

BAHAGIAN VII

47. Bahagian VII memperkatakan Majlis Penasihat Harga.
48. *Fasal 41* mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis untuk menasihati Menteri, antara lain, tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan pencatutan.
49. *Fasal 42* mengadakan peruntukan bagi keanggotaan Majlis.
50. *Fasal 43* mengadakan peruntukan bagi penjalanan sementara fungsi Pengerusi.
51. *Fasal 44* mengadakan peruntukan bagi pengosongan jawatan atas kematian, peletakan jawatan dan habis tempoh jawatan.
52. *Fasal 45* bertujuan untuk memperuntukkan kuasa Menteri untuk membatalkan pelantikan anggota Majlis.
53. *Fasal 46* mengadakan peruntukan bagi tatacara peletakan jawatan anggota Majlis.
54. *Fasal 47* mengadakan peruntukan bagi pengisian kekosongan anggota.
55. *Fasal 48* mengadakan peruntukan bagi pelantikan Setiausaha Majlis dan pegawai-pegawai lain sebagaimana yang perlu.
56. *Fasal 49* memperuntukkan elaun yang boleh dibayar kepada anggota Majlis sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

57. *Fasal 50* mengadakan peruntukan bagi mesyuarat Majlis.
58. *Fasal 51* mengadakan peruntukan bagi budi bicara Majlis untuk mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan.
59. *Fasal 52* memperuntukkan hal keadaan yang tidak menjejaskan kesahan perbuatan dan prosiding Majlis.
60. *Fasal 53* bertujuan untuk memperuntukkan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan Majlis.

BAHAGIAN VIII

61. Bahagian VIII memperkatakan peruntukan am.
62. *Fasal 54* mengadakan peruntukan bagi bidang kuasa Mahkamah Sesyen untuk membicarakan kesalahan.
63. *Fasal 55* memperuntukkan ganjaran kepada orang yang memberikan maklumat yang membawa kepada suatu sabitan.
64. *Fasal 56* memperuntukkan bahawa pendakwaan mesti dilakukan dengan keizinan Pendakwa Raya.
65. *Fasal 57* memperuntukkan penalti am bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.
66. *Fasal 58* mengadakan peruntukan bagi pengkompaunan kesalahan.
67. *Fasal 59* memperuntukkan kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.
68. *Fasal 60* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan.
69. *Fasal 61* mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.
70. *Fasal 62* memperuntukkan perlindungan daripada tindakan undang-undang terhadap Pengawal, Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal, Pengerusi, anggota Majlis atau pekerja atau ejen Pengawal atau Majlis.
71. *Fasal 63* memperuntukkan perkara-perkara kecualian dan peralihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.